



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU AKHBAR (C.3 EB.4)
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU AKHBAR
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3 EB.4 (\$1,990 - \$2,620 EB KHAS \$2,690 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Advance Computer Studies* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai kebolehan menggunakan komputer dan menguasai sepenuhnya penggunaan kamera digital.
 3. Berpengalaman menerbitkan majalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi penerbitan mingguan atau bulanan adalah kelebihan.
 4. Boleh bertutur dalam bahasa atau dialek lain adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab terhadap semua urusan berhubung dengan Jabatan serta akhbar dan wartawan dalam mahupun luar negara;
2. Bertanggungjawab terhadap Jabatan Penerangan bersama Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan berkaitan Siaran Akhbar dan perkara-perkara yang bersangkutan paut atau berkaitan dengannya; dan
3. Menyediakan dan menyunting bahan-bahan untuk Siaran Akhbar, penerbitan, majalah dan risalah-risalah Jabatan yang lain dan berkaitan dengan Jabatan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.